


Pyongyang berang bakal disenarai negara pengganas

BERITA HARIAN 5/3/17 M/S 34

➔ AS pertimbang letak semula Korea Utara susulan pembunuhan Jong-nam

Info

- ➔ **Negara penaja keganasan**
- ➔ Iran, Sudan dan Syria
- ➔ **Ditentukan**
- ➔ Setiausaha Negara AS, akibat berulang kali menyokong tindakan keganasan
- ➔ **Empat kategori**
- ➔ sekatan termasuk larangan eksport dan jualan peralatan pertahanan, kawalan tertentu eksport barangan dua kegunaan dan kewangan



Korea Utara melancarkan pelbagai ujian nuklear walaupun dilarang di bawah resolusi Majlis Keselamatan PBB.

penaja keganasan, yang termasuk Iran dan Syria.

"AS lama kelamaan akan sedar betapa mahal harga perlu dibayar atas tuduhan tidak berasas ke atas 'maruah' Korea Utara jika ia diletakkan semula ke dalam senarai pengganas," kata jurucakap Kementerian Luar rejim itu kepada agensi berita rasmiah KCNA.

AS dituduh jejas reputasi

Jurucakap itu bertegas, Pyongyang membantah 'segala bentuk keganasan' dan menuduh AS cuba menjajakan reputasinya.

Korea Selatan menyalahkan Korea Utara atas pembunuhan itu, memetik apa yang mereka katakan arahan tetap daripada pemimpinnya, Jong-un untuk membunuh abang sulungnya yang dilihat sebagai potensi ancaman.

Bagaimanapun, satu-satunya warga Korea Utara yang ditahan berhubung pembunuhan itu, mengancam siasatan pembunuhan Malaysia

sebagai 'satu konspirasi menjejaskan maruah Republik Korea Utara.'

Ri Jong-Chol, dibebaskan dan diuis kelmariin berikutan 'kekurangan bukti dan mendakwa polis menawarkannya kehidupan selesa di Malaysia sebagai balasan pengakuan palsu.

Pyongyang yang memiliki senjata nuklear, kali pertama dianggap negara penaja keganasan oleh AS pada 1987 apabila ejennya mengedarkan bom sebuah pesawat Korea Selatan, mengorbankan kesemua 115 orang di dalamnya.

Namun ia dikeluarkan daripada senarai pada 2008 selepas mengambil langkah membekukan kemudahan nuklearnya.

Bagaimanapun, negara penentang itu meneruskan aktiviti, menjalankan empat ujian atom dan pelbagai ujian peluru berpandu walaupun hakikat ia dilarang mengikut beberapa resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).